

25/01/2003

Utamakan perpaduan untuk lahirkan keamanan

Mohd Yusof Sulaiman

PERDANA Menteri ketika menyampaikan ceramah bertajuk 'Perpaduan Islam Dalam Menghadapi Cabaran dan Ancaman' di Universiti al-Azhar, Mesir, Rabu

lalu, antara lain mengajak umat Islam bersatu dan kembali berpegang kepada asas ajaran agama.

Nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dilihat sebagai suara umat Islam abad ini bukan saja membawa mesej bermakna bagi umat Islam yang dihimpit kesengsaraan ketika ini, malah bertepatan dengan kehendak ajaran Islam sebenar.

Ini kerana, apa yang diucap beliau sudah lama dijelaskan al-Quran, namun masih ramai yang tidak menghayati tuntutanannya.

Al-Quran berkali-kali mengingatkan umat Islam agar bersatu melalui beberapa ungkapan di antaranya 'ummatan wahidah' (umat yang satu).

Banyak ayat yang menggesa umat Islam supaya mengeratkan persaudaraan dan mengelak sebarang perkara yang boleh melemahkan kesatuan Islam.

Allah berfirman maksudnya, "Sebenarnya orang Mukmin itu bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu yang bertelingkah itu, dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat." (Surah al-Hujurat, ayat 10).

Perpaduan adalah tuntutan dalam ajaran Islam kerana keamanan yang terhasil menjadi wasilah untuk beribadat kepada Allah dengan aman dan selamat.

Tuntutan perpaduan dalam pengertian umum diertikan sebagai satu penyatuan tenaga, fikiran, cita-cita dan pengorbanan.

Melalui perpaduan, masalah sukar dipermudahkan, berat dapat diringankan dan rumit dapat diselesaikan.

Memandangkan pentingnya perpaduan, Rasulullah saw bersabda maksudnya: "Hubungan Mukmin dengan Mukmin itu seperti sebuah binaan yang saling kuat menguatkan antara satu dengan lain." - (Hadis riwayat at-Tabrani).

Bagi orang Melayu, kepentingan perpaduan dirakamkan melalui beberapa pepatah seperti bersatu teguh, bercerai roboh; bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat dan berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Sesungguhnya, negara yang rakyatnya bersatu akan menjadi negara kuat dan disegani kawan dan lawan.

Namun bagi negara yang rakyatnya sentiasa berpecah, berpuak-puak dan bersengketa, sudah pasti akan berdepan dengan kemunduran serta kehancuran.

Allah menjadikan manusia sebagai makhluk yang saling memerlukan.

Manusia tidak boleh hidup bersendirian, membawa haluan masing-masing dan mementingkan diri saja.

Allah menjadikan keperluan dan hajat manusia yang terhasil secara bekerjasama dan saling bantu-membantu.

Umpamanya bagaimanakah nasi boleh terhasil sebagai makanan manusia.

Adakah seseorang boleh memakan nasi jika ia tidak dibeli dan adakah penjual boleh menjual beras jika padi tidak ditanam petani.

Jelas di sini, kehidupan manusia saling memerlukan dan tidak akan ada manusia yang boleh hidup tanpa bantuan orang lain.

Begitu juga keperluan lain seperti pakaian, kenderaan dan kesihatan yang tidak boleh diperolehi secara bersendirian.

Justeru, bagi memelihara hubungan sesama manusia, syariat menggariskan panduan supaya ia dijadikan rujukan sesama Islam.

Panduan itu boleh dihayati melalui firman-Nya bermaksud: "Dan hendaklah kamu tolong-menolong untuk melakukan kebajikan dan takwa. Janganlah kamu tolong-menolong melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah

kepada Allah kerana sesungguhnya azab Allah amat berat seksanya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)."- (Surah al-Maidah, ayat 2)

Catatan sejarah turut memperlihatkan bahawa baginda sedaya upaya menyatukan masyarakat Madinah pada masa itu. Baginda berusaha menyatukan pelbagai kaum dan etnik seperti menyatukan Aus dengan Khazraj dan Muhajirin dengan Ansar.

Semua kaum dan kabilah yang berada dalam kepemimpinan baginda bersatu tenaga, fikiran dan tindakan demi mencapai kemajuan ummah ketika itu.

Melalui kepemimpinan yang berteraskan perpaduan, kerjasama bantu-membantu, maka ia menjadikan umat Islam ketika itu sebagai umat yang dihormati dan disegani oleh penganut lain.

Jelaslah betapa Islam menganjurkan perpaduan untuk melahirkan keamanan, kesepaduan dan kekuatan umat.

Umat Islam boleh berbeza pendapat tetapi mesti tetap bersaudara dan bersikap seperti saudara supaya ummah tetap bersatu dan kuat.

Ini kerana, perpecahan akan mengakibatkan umat Islam kehilangan arah dan

keliru berikutan perbezaan tafsiran mengenai Islam yang dibuat tanpa memberi penekanan terhadap ajaran asas Islam yang mementingkan keamanan dan persaudaraan.

Kekeliruan akibat tafsiran berlainan ini wujud kerana terlalu banyak mazhab atau tarikat dan akhirnya mengakibatkan umat Islam terus berpecah serta sering berbalah, sedangkan al-Quran merujuk semua umat Islam sebagai saudara.

Sebagai saudara kita seharusnya saling menyayangi dan bersatu seperti dalam satu keluarga.

Sebagai satu ummah, umat Islam tidak seharusnya diasingkan mengikut bangsa, keturunan dan pangkat apatah lagi dibezakan mengikut tahap keislaman seseorang.

Maknanya, Islam tidak mengajar seorang yang lebih Islam memulaukan golongan kurang Islam dan mendabik dada dengan ketinggian keislamannya.

Justeru janganlah seseorang yang berasaskan mempunyai keislaman tinggi

memandang rendah keislaman orang lain kerana belum tentu mereka mempunyai ketinggian keislaman sebenar.

Yang pasti, tahap keislaman seseorang dinilai Allah bukannya oleh seseorang yang berasakan mempunyai keislaman tinggi.

Justeru, adalah lebih baik umat Islam mengelak persengketaan keislaman dan kembali bersatu untuk mencapai keislaman hakiki yang dituntut agama.